



**MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI  
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]**

**PEMBERITAHUAN  
PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM KE ATAS**

**DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JOHOR BAHRU DAN KULAI 2025  
(PENGUBAHAN 4)**

**Pindaan Peta Cadangan dan Kelas Penggunaan Tanah Bagi Sebahagian  
BPK 1.5, BPK 2.5, BPK 3.4, BPK 5.1, BPK 5.5, BPK 6.5, BPK 7.4, BPK 8.3, BPK 9.2 & BPK 10.3**

**JILID 1: BAHAGIAN B  
PETA CADANGAN DAN KELAS PENGGUNAAN TANAH MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI**

Menurut Seksyen 13(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), dengan ini diberitahu bahawa Cadangan Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru dan Kulai 2025 (Pengubahan 4) tersedia untuk diperiksa pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Masa</b>	<b>Tempat</b>
6 Oktober 2024 (Ahad) sehingga 4 November 2024 (Isnin)	9.00 pagi hingga 4.00 petang (Ahad - Rabu)  9.00 pagi hingga 3.00 petang (Khamis)  <b>Tutup pada hari Jumaat, Sabtu dan Cuti Umum</b>	1. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri Aras G (Lobi) & Aras 7, Jalan Medini Sentral 9, Bandar Medini Iskandar, 79250 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim  2. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor (PLANMalaysia@Johor) Aras 1, Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, 79646 Kota Iskandar, Iskandar Puteri Johor Darul Ta'zim

Pengubahan kepada Rancangan Tempatan ini meliputi :

- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 1.5 daripada Perniagaan, Kawasan Lapang dan Rekreasi, Rizab Pengangkutan & Perhubungan dan Rizab Infrastruktur dan Utiliti kepada Perumahan dan Perniagaan.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 2.5 daripada Perumahan kepada Perniagaan.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 3.4 daripada Perumahan kepada Perniagaan.
- Perubahan Kelas Kegunaan Tanah Utama BPK 5.1 daripada Perindustrian Ringan kepada Perindustrian Sederhana.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 5.5 daripada Perumahan dan Institusi & Kemudahan Masyarakat kepada Perumahan, Institusi & Kemudahan Masyarakat.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 6.5 daripada Perumahan, Perniagaan, Institusi & Kemudahan Masyarakat, Kawasan Lapang & Rekreasi, Rizab Pengangkutan & Perhubungan, Rizab Infrastruktur dan Utiliti, Perindustrian dan Rizab Kubur Bersepadu kepada Perniagaan, Perumahan, Kawasan Lapang & Rekreasi, Pengangkutan & Perhubungan dan Rizab Infrastruktur dan Utiliti.
- Perubahan Kelas Guna Tanah Utama BPK 6.5 daripada Nisbah Plot 1:3 dan 1:4 kepada Nisbah Plot 1:6.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 7.4 daripada Perniagaan kepada Perindustrian.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 8.3 daripada Perumahan, Perniagaan, Kawasan Lapang & Rekreasi kepada Perniagaan.
- Perubahan Kelas Guna Tanah Utama BPK 9.2 daripada Nisbah Plot 1:3 dan 1:4 kepada Nisbah Plot 1:6.
- Perubahan Jenis Guna Tanah Utama BPK 10.3 daripada Perumahan kepada Perindustrian.

Sebarang maklum balas / cadangan / bantahan boleh dibuat melalui Borang Maklum Balas dan boleh diserahkan sebelum atau pada **4 November 2024, jam 4.00 petang**. Borang boleh diperolehi di Pejabat MBIP atau Pejabat PLANMalaysia @Johor dan Portal Majlis Bandaraya Iskandar Puteri.

Semua Borang Maklum Balas boleh dialamatkan kepada:

**Datuk Bandar**

**Majlis Bandaraya Iskandar Puteri**

Jalan Medini Sentral 9, Bandar Medini Iskandar,  
79250 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim

Emel : [perancang@mbip.gov.my](mailto:perancang@mbip.gov.my)

Laman Web : [www.mbip.gov.my](http://www.mbip.gov.my)

Tel : 07-555 5824